

**BN Pegang Pada Pendekatan Kepelbagaian Kaum Sebenar
Bernama
18 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) merupakan sebuah parti yang benar-benar menunjukkan pendekatan yang memenuhi keperluan pelbagai kaum dibandingkan dengan pakatan pembangkang PAS-DAP-PCR, kata Naib Presiden MCA Datuk Seri Chor Chee Heung.

Beliau berkata contohnya semasa konvensyen BN, presiden kesemua parti komponen sama ada Melayu, Cina, India dan penduduk asli Sabah dan Sarawak diberi pentas yang sama untuk bercakap serta turut diwakili semasa proses membuat dasar di peringkat kerajaan negeri dan Persekutuan.

Ini, katanya, adalah sesuatu yang perlu mula dipelajari oleh pemimpin PAS, PCR dan DAP.

"Tidak memasukkan wajah pemimpin India dalam kain rentang semasa konvensyen barisan pembangkang itu di Alor Setar baru-baru ini menunjukkan pembangkang hanya mahukan undi orang India tetapi tidak menghormati pemimpin atau kebajikan mereka," kata Chor dalam kenyataan di sini hari Rabu.

Beliau berkata konvensyen ketiga barisan pembangkang itu menandakan akan berlaku lebih banyak pergolakan di bawah pemerintahan pembangkang.

"Adalah tidak baik sekali pemisahan dibuat di antara lelaki dan perempuan di kalangan yang hadir termasuk wakil akhbar yang mana pemimpin tertinggi DAP dan PCR hanya melihat sahaja tidak berbuat apa-apa.

"Penganjur konvensyen itu malah mengenyepikan Pengerusi DAP, Karpal Singh dengan tidak memasukkan gambarnya di tabir belakang pentas rasmi yang menunjukkan dakwaan PCR dan DAP mewakili kepentingan pelbagai kaum tidak benar sama sekali," katanya.

Chor, yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata sekiranya pihak penganjur gagal menghormati Karpal tetapi membesarkan pula gambar Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan juga Penasihat DAP Lim Kit Siang, bagaimana pula layanan mereka terhadap kebajikan masyarakat India.

Katanya, dengan adanya contoh yang diberikan itu, tidak hairanlah pakatan pembangkang hanya mahukan sokongan masyarakat India tetapi tidak menghormati mereka apa lagi tentang menjaga keperluannya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641016>